

Publication : **Utusan Malaysia**
Date : 17 April 2013
Section : Bisnes
Page : 22
Headline : Street Mall @ One South Siap Dibina

Street Mall @ One South siap dibina

KUALA LUMPUR 16 April
- Pemaju hartanah, Hua Yang Bhd. (Hua Yang) telah berjaya menyiapkan pusat beli-belahnya yang pertama, Street Mall @ One South, yang terletak di Lebuhraya KL-Seremban di Seri Kembangan.

Itu dibangunkan oleh Prop Park Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Hua Yang yang merupakan sebahagian projek pembangunan runcit, komersial dan kediaman yang mempunyai nilai pembangunan kasar sebanyak RM950 juta.

Street Mall @ One South dikelilingi oleh perbandaran matang, institusi pengajian tinggi dan kemudahan awam yang bakal menjadi lokasi perniagaan baharu yang berprestij bagi industri runcit.

Fasa pertama pembangunan itu adalah pusat membeli-belah yang menawarkan kedai pejabat dan pusat membeli-belah runcit.